



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

## Anugerah Persuratan 2017

### 1. Anugerah Persuratan

Majlis Bahasa Melayu Singapura akan menganjurkan Anugerah Persuratan 2017 (AP2017). Sejak 1993, kegiatan dwitahunan ini merupakan usaha berterusan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) untuk mengiktiraf para penulis watan yang bergiat dalam bidang persuratan Melayu.

### 2. Objektif Anugerah Persuratan

Anugerah Persuratan dilaksanakan dengan objektif berikut:

- i. memberikan pengiktirafan kepada para penulis yang telah menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai;
- ii. meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu; dan
- iii. menggalakkan penerbitan karya yang bermutu.

### 3. Jawatankuasa Penganjur Anugerah Persuratan 2017

Jawatankuasa Penganjur Anugerah Persuratan 2017 (AP2017) dipengerusikan oleh Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat, Timbalan Ketua, Pejabat Jabatan Bahasa & Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.

### 4. Anugerah-anugerah yang akan diberikan

Dalam Majlis AP2017 tersebut, 4 jenis hadiah/anugerah akan disampaikan, iaitu:

- 4.1 Hadiah Persuratan (merangkumi 7 bidang)
- 4.2 Anugerah Tun Seri Lanang
- 4.3 Anumerta Tun Seri Lanang
- 4.4 Anugerah Harapan



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

### 4.1 Hadiah Persuratan

Bidang	Bentuk Eceran	Bentuk Buku
Sajak/Puisi	3 hadiah	1 hadiah
Cerpen	3 hadiah	1 hadiah
Drama <ul style="list-style-type: none"><li>• Radio</li><li>• Pentas</li><li>• Televisyen</li><li>• Filem</li></ul>	4 hadiah	1 hadiah
Esei/Kritikan/Kajian Sastera	3 hadiah	1 hadiah
Esei/Kritikan/Kajian Bukan Sastera	3 hadiah	1 hadiah
Novel		1 hadiah
Sastera Kanak-Kanak		1 hadiah

### Kriteria Kategori

Kriteria Kategori merujuk kepada karya **Eceran** dan karya dalam bentuk **Buku** yang terbit sepanjang tahun 2015 dan 2016.

#### Kategori Eceran

**Karya Eceran** terdiri daripada sebuah teks yang disiarkan dalam tahun penilaian melalui akhbar, majalah atau jurnal. Sesebuah teks itu juga boleh dinilai berdasarkan penerbitan yang bercorak pementasan (bagi Drama Pentas), penyiaran (bagi Drama Radio) dan Drama Televisyen dan Filem.

#### Kategori Buku

**Novel** - Novel yang diterbitkan dalam tahun penilaian.

**Kumpulan/Antologi** - ‘Kumpulan’ bererti koleksi penulis perseorangan. ‘Antologi’ pula ialah koleksi karya bersama penulis yang lain. Sama ada kumpulan atau antologi, buku berkenaan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua pertiga karya-karya yang telah disiarkan dalam tempoh lima tahun (termasuk karya-karya yang diterbitkan dalam tahun penilaian). Buku tersebut juga masih boleh dinilai jika dimuatkan dengan karya-karya yang pernah memenangi Hadiah Sastera atau Hadiah Penghargaan yang lalu tetapi tidak boleh melebihi 10% daripada kandungan keseluruhan buku tersebut.

**Kajian** - Buku kajian sastera atau kajian bukan sastera yang dikerjakan secara



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

perseorangan atau kolektif yang diterbitkan dalam tahun penilaian.

**Sastera kanak-kanak** merupakan kategori baru yang diperkenalkan pada tahun ini. Kami menyediakan satu hadiah (buku) bagi kategori ini bagi karya sastera kanak-kanak.

### 4.2 Anugerah Tun Seri Lanang

Anugerah Tun Seri Lanang diperuntukkan kepada seorang tokoh persuratan yang memiliki nilai unggul sebagai:

- tokoh seni yang ulung di mata masyarakat berbilang kaum dan budaya Singapura;
- tokoh antarabangsa melalui pengiktirafan karya besar mereka;
- pejuang seni dalam erti kata menggunakan sebahagian besar usia dan kehidupan mereka untuk menyubur dan menyemarakkan bidang yang dihayati; atau
- penyumbang dan pemaju pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan melalui karya mereka (dalam bentuk kreatif atau nonkreatif) dan
- tokoh teladan yang menimba ilmu sepanjang hayat demi meningkatkan mutu karya dan ketukangannya dalam bidang persuratan.

Geran bernilai \$5,000 diberikan kepada sesiapa yang bertauliah dan ingin mengkaji ketokohan, keilitizaman, sumbangan, pemikiran dan alam penulisan tokoh yang terpilih.

### 4.3 Anumerta Tun Seri Lanang

Anumerta Tun Seri Lanang diberikan bagi mengenang tokoh persuratan yang telah meninggal dunia. Kriteria pemilihan tokoh sama seperti Anugerah Tun Seri Lanang.

Hadiah akan diberikan kepada keluarga tokoh dan \$5,000 lagi dalam bentuk geran kepada sesiapa sahaja yang bertauliah dan ingin menulis mengenai ketokohan, pemikiran dan falsafah, iltizam dan sumbangan Tokoh Anumerta ini.

### 4.4 Anugerah Harapan



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

Anugerah Harapan diperuntukkan untuk penulis di bawah usia 40 tahun yang menampakkan potensi dalam bidang persuratan sama ada:

- memainkan teraju utama kepada usaha-usaha menggerakkan bidang persuratan; baik cerpen, sajak, novel, drama, karya bukan sastera dan sebagainya;
- menggunakan masa untuk berkongsi ilmu dan kemahirannya dalam bidang persuratan kepada golongan muda atau pelajar; dan
- menghasilkan karya yang memberikan isi dan nilai tambah dalam penulisan kreatif dan bukan kreatif sama ada dalam bentuk media bercetak atau elektronik untuk memajukan pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan negara.

### 5. Dasar Penilaian

Penilaian AP2017 pada dasarnya ditujukan pada teks atau karya asli yang berbahasa Melayu. Karya berkenaan dihasilkan oleh warganegara Singapura yang diterbitkan **pada tahun 2015 dan 2016**, sama ada di Singapura atau di luar negara. Penerbitan bentuk buku harus memiliki izin terbit ISBN untuk menentukan kesahihannya.

Jawatankuasa AP2017 akan membentuk kumpulan panel penilai bagi menilai karya-karya sepanjang tahun penilaian dan sekumpulan lagi penilai untuk menentukan pemenang Anugerah Tun Seri Iman, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan.

### 6. Kriteria Umum Penilaian

Karya itu dianggap mencapai taraf terbaik jika karya itu memiliki beberapa ciri antaranya:

- Kekuatan dan Kemantapan
- Keistimewaan dan Keunggulan
- Keaslian Subjek
- Kedalaman dan Matang
- Keseimbangan Estetika
- Nilai-nilai Moral
- Inovasi dan Kreativiti



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

### 7. Prosedur Penilaian

Jawatankuasa AP2017 akan membuat penilaian sama ada perlu menambah atau menolak karya yang diterima untuk dinilai bagi hadiah-hadiah persuratan. Hal ini termasuk membuat pencalonan tambahan atau menolak pencalonan bagi anugerah-anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Harapan yang diterima. Pengelola AP2017 tidak perlu memberikan sebab atas keputusan yang diambil. Karyakarya dan pencalonan yang diterima akan diajukan kepada panel penilai yang dibentuk oleh Jawatankuasa AP2017.

### 8. Penghantaran Karya untuk Dinilai

Para penulis yang ingin menghantar karya-karya mereka untuk dinilai bagi AP2017 boleh menghantar karya mereka selewat-lewatnya pada **Khamis 13 April 2017**. Karya hendaklah yang telah **diterbitkan pada tahun 2015 dan 2016**. Borang penyertaan untuk penghantaran karya terdapat dalam Lampiran A.

### 9. Pencalonan Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan

AP2017 mengalau-alukan pencalonan untuk Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan. Tarikh akhir pencalonan bagi anugerah-anugerah tersebut ialah pada **Khamis 13 April 2017**. Borang pencalonan terdapat dalam Lampiran B.

### 10. Alamat Penghantaran Karya dan Borang Pencalonan

Tiga salinan (bentuk asli atau salinan) bagi setiap karya yang ingin dinilai atau pencalonan untuk AP2017 boleh dihantar kepada:

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

Majlis Bahasa Melayu Singapura

d/a *National Arts Council*

*Goodman Arts Centre*

90 Goodman Road, Blk A #01-01

Singapura 439053

Tel: 6346 9438 / 6346 9152

Faks: 6346 1542

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg)

Perhatian kepada: Firda Raffid/Shafienas Salleh



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

11. Borang pencalonan juga boleh dimuat turun daripada lelaman MBMS dan NAC di alamat:

MBMS –

<http://mbms.sg/my/anugerah-persuratan>

NAC - <http://www.nac.gov.sg/art-forms/literary-arts/festival-and-events/master-anugerah-persuratan-2017>



**Untuk maklumat lanjut sila hubungi:**

Encik Juffri Supa'at  
Setiausaha, AP2017  
Hp: 91389845  
E-mel: [Juffri\\_SUPAAT@nlb.gov.sg](mailto:Juffri_SUPAAT@nlb.gov.sg)

Encik Tajudin Jaffar  
Setiausaha, Majlis Bahasa Melayu Singapura  
Hp: 96971064  
E-mel: [tajudin\\_jaffar@moe.gov.sg](mailto:tajudin_jaffar@moe.gov.sg)

Firda Maisarah Mohd Raffid  
Urus setia  
Talian: 6346 9438  
E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg)

Dianjurkan oleh:



Disokong oleh:



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152**Lampiran A****Borang Penghantaran Karya Untuk Penilaian  
Anugerah Persuratan 2017**

<b>Bidang</b>	<b>(sila tandakan ✓)</b>
<b>Sajak / Puisi</b>	
<b>Cerpen</b>	
<b>Drama:</b>	
<i>Radio</i>	
<i>Pentas</i>	
<i>Televisyen</i>	
<i>Filem</i>	
<b>Esei/kritikan sastera</b>	
<b>Esei/kritikan bukan sastera</b>	
<b>Novel</b>	
<b>Kajian sastera</b>	
<b>Kajian bukan sastera</b>	
<b>Sastera kanak-kanak</b>	

Karya-karya haruslah yang telah diterbitkan pada tahun 2015 dan 2016.

	<b>Maklumat</b>
<b>Nama:</b> <i>(seperti yang tertera dalam Kad Pengenalan)</i>	
<b>Alamat:</b>	
<b>Nombor telefon:</b>	
<b>E-mel:</b>	
<b>Tandatangan:</b>	
<b>Tarikh:</b>	

Dengan menyertai Anugerah Persuratan 2017, saya bersetuju bahawa bahan-bahan yang saya hantar tidak akan dikembalikan. Saya juga bersetuju bahawa saya akan membenarkan nama dan karya saya diterbitkan untuk tujuan penyerantaan sekiranya dipilih sebagai pemenang.



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

Sila kembalikan Borang ini beserta **3 salinan** ( bentuk asli atau salinan) setiap karya yang ingin dinilai kepada:

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

Majlis Bahasa Melayu Singapura

d/a *National Arts Council*

*Goodman Arts Centre*

*90 Goodman Road, Blk A #01-01*

*Singapura 439053*

*Tel: 6346 9438 / 6346 9152*

*Faks: 6346 1542*

*E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg)*

Perhatian kepada: Firda Raffid/Shafienas Salleh

**selewat-lewatnya pada Khamis, 13 April 2017, 5 petang.** Terima kasih.

---

Dianjurkan oleh:



Disokong oleh:



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152**Lampiran B****Borang Pencalonan  
Anugerah Persuratan 2017**

Kategori Anugerah	(sila tandakan ✓)
Anugerah Tun Seri Lanang	
Anumerta Tun Seri Lanang	
Anugerah Harapan	
Bahagian 1	Maklumat Calon
Nama:	
Bahagian 2	Dasar Pencalonan

(Sila berikan dasar pencalonan, sama ada secara bertaip atau bertulis. Sila sertakan biodata/portfolio tokoh yang dicalonkan. Pencalonan yang tidak lengkap akan ditolak.)

Saya mencalonkan nama yang tertera di atas kerana:



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438 / 63469152

--	--

Bahagian 3	Maklumat Pencadang
<b>Nama:</b>	
<b>Alamat:</b>	
<b>Nombor telefon:</b>	
<b>E-mel:</b>	
<b>Hubungan dengan calon:</b>	
<b>Tandatangan:</b>	
<b>Tarikh:</b>	

Sila kembalikan Borang Pencalonan kepada:

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2017

Majlis Bahasa Melayu Singapura

d/a *National Arts Council*

*Goodman Arts Centre*

*90 Goodman Road, Blk A #01-01*

*Singapura 439053*

*Tel: 6346 9438 / 6346 9152*

*Faks: 6346 1542*

*E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg)*

Perhatian kepada: Firda Raffid/Shafienas Salleh

**selewat-lewatnya pada Khamis 13 April 2017, 5 petang.** Terima kasih.

Dianjurkan oleh:



Disokong oleh:

